



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/06/01_37 (HQ)

1QTK2022 TNB: PAT KUMPULAN TURUN DUA DIGIT SEBANYAK 10.5%

- PAT Kumpulan menurun kepada RM0.9 bilion terutama berikutan kenaikan harga bahan api

Keuntungan selepas cukai (PAT) **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** bagi Suku Pertama Tahun Kewangan 2022 (1QFY2022) menurun 10.5% kepada RM0.9 bilion meskipun pendapatan Kumpulan meningkat 36.4% kepada RM15.7 bilion didorong 4.0% peningkatan dalam permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia.

Jualan elektrik lebih tinggi adalah sejajar dengan fasa peralihan ke endemik dan pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak 5.0% bagi suku pertama tahun 2022. Ini didorong penggunaan (elektrik) lebih tinggi direkodkan oleh pelanggan komersial dan domestik setelah aktiviti perniagaan dibenarkan beroperasi semula.

Pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) dilaporkan pada RM5.1 bilion manakala margin EBITDA ialah 32.8%, disumbangkan oleh perbelanjaan operasi lebih tinggi yang meningkat sebanyak 64.1% berikutan kenaikan harga bahan api.

Kos penjanaan tenaga, termasuk kos bahan api, membentuk lebih 65 peratus daripada tarif asas. Kenaikan harga bahan api fosil, terutama arang batu, telah meningkatkan kos penjanaan tenaga negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, biarpun dalam tempoh sukar, syarikat utiliti itu terus melaksanakan peranannya sebagai pembekal elektrik negara dan sentiasa memastikan rakyat mendapat akses kepada tenaga berdaya harap pada harga berpatutan, seterusnya menerangi kehidupan seluruh rakyat Malaysia.

“Pelaburan berterusan kami akan memastikan infrastruktur sedia ada terus beroperasi dengan cekap sambil kami mencapai Hala Tuju Kelestarian kami yang berlandaskan aspirasi menuju pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050. Pada tahun-tahun mendatang juga, TNB memberi tumpuan kepada menyokong usaha Kerajaan Malaysia dalam membina semula ekonomi negara,” katanya.

Bagi menangani isu kenaikan harga bahan api fosil, Baharin berkata TNB bekerjasama rapat dengan kerajaan untuk memastikan kebajikan golongan yang memerlukan dilindungi, di samping menjaga kesinambungan rangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR).

Menurut Baharin, kerajaan berterusan mengekalkan rangka kerja IBR dan berjaya membendung impak turun naik harga bahan api melalui mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT). Sejak pengenalan rangka kerja IBR, RM8.6 bilion rebat ICPT telah dinikmati pengguna di samping RM5.3 bilion surcag dilepaskan kepada mereka.

“Biarpun prestasi sistem kami mencapai taraf dunia, kami tetap terus melabur dalam infrastruktur terutamanya untuk meningkatkan daya harap menerusi pelaksanaan grid pintar. Rangkaian pembekalan memainkan peranan penting dalam menggerakkan peralihan tenaga negara, jadi perancangan dan pembangunan infrastruktur secara berterusan adalah penting.

“TNB komited dalam mengekalkan prestasi sistem bertaraf dunia sekali pun dalam persekitaran operasi yang mencabar,” kata Baharin.

Beliau menjelaskan, TNB sedang membangunkan Utiliti Pintar menjelang 2025, bagi membolehkan pelanggan mendapat akses dan pengurusan penggunaan tenaga yang lebih baik; mengoptimumkan voltan dan aliran tenaga dua arah untuk meningkatkan integrasi sistem penjanaan tenaga milik pelanggan; sokongan penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB), meningkatkan keupayaan rangkaian dan kawalan automatik.

“Selain prestasi kewangan dan teknikal yang kukuh, kami sedar akan keperluan untuk menyahkarbon teras dan membina perniagaan mampan sejajar hala tuju kami. Pada tahun lepas, kami fokus kepada memastikan mekanisme sewajarnya disediakan sebagai persiapan menuju sasaran tersebut,” tambahnya.

Tahun lalu, TNB mengumumkan Hala Tuju Kelestariannya yang merupakan satu pelan tindakan dengan aspirasi untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050, disokong komitmen mengurangkan 35% intensiti pelepasan karbon serta 50% daripada kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035.

Untuk mencapai matlamat ini, anak syarikat penjanaan TNB, TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) merancang mempercepatkan penyahkarbonannya melalui pengurusan risiko peralihannya dengan meningkatkan portfolio tenaga boleh baharu, mengupaya penggunaan arang batu secara lebih bersih, dan menggunakan teknologi baru secara progresif untuk mengurangkan pelepasan karbon.

Projek empangan hidroelektrik di Nenggiri, Gua Musang yang bermula tahun ini, bakal menyalurkan 300 megawatt (MW) tenaga boleh baharu kepada Grid Nasional apabila siap pada 2026 nanti. Ia akan meningkatkan kestabilan bekalan di Semenanjung Malaysia, khususnya ke wilayah timur, sekaligus memberikan faedah tambahan kepada negeri Kelantan dari segi tebatan banjir, bekalan air bersih dan air mentah untuk pengairan.

TNB Genco, yang kini menjana 50% tenaga di Malaysia, sedang berusaha untuk memanjangkan hayat stesen janakuasa hidro sedia ada iaitu stesen janakuasa Sg. Perak,

Kenir & Cameron Highlands dan akan memanfaatkan bahan api ammonia rendah karbon dalam teknologi pembakaran sekali gus memerangkap karbon di stesen janakuasa arang batunya, dalam usaha mengurangkan intensiti pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG).

“Kami menyokong penuh usaha kerajaan untuk meletakkan negara di landasan lebih mampan, sejajar strategi jangka panjang TNB. Harapan kami, bersama-sama dapat mencapai aspirasi, untuk menjadi pembekal terunggul bagi solusi tenaga mampan, dan pada masa yang sama memenuhi matlamat ke arah dunia yang lebih baik dan kehidupan yang lebih sejahtera buat semua,” kata Baharin.

Di peringkat antarabangsa, melalui Bahagian Tenaga Baharu (NED), TNB berusaha mengukuhkan perniagaannya pada masa hadapan dengan mengembangkan jejak TBB secara global melalui penggabungan dan pemerolehan, pembangunan aset dan mewujudkan perkongsian strategik dengan pemain-pemain industri TBB terkemuka.

Anak syarikat milik penuh TNB, Vantage RE Ltd (Vantage RE) telah dilancarkan pada 1 Julai 2021 untuk memiliki, mengendalikan dan mengurus portfolio aset tenaga boleh baharu TNB di UK dan Eropah.

Pada Oktober 2021, Vantage RE meningkatkan portfolio RE TNB dan matlamat sifar bersih dengan pengambilalihan 49% kepentingan dalam syarikat ladang angin luar pesisir, Blyth Offshore Demonstrator Limited (BODL) daripada EDF Renewables (EDFR), anak syarikat kepada syarikat utiliti Perancis, Électricité de France (EDF). Ia juga telah menyelesaikan pemerolehan 100% kepentingan dalam portfolio angin dalam pesisir 97.3MW di United Kingdom (UK) pada April 2022.

Kedua-dua pengambilalihan itu merupakan pemerolehan strategik terancang untuk TNB mempercepatkan perjalanannya melaksanakan agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Sehingga kini, ia telah mencapai 530MW portfolio RE termasuk angin luar pesisir, angin dalam pesisir dan ladang solar di UK.

“Pengambilalihan ini menandakan kejayaan berterusan TNB dalam pelaksanaan strategi kami untuk mengembangkan portfolio RE TNB dalam pasaran tumpuan seperti di UK dan Eropah dan akan mempercepat peralihan TNB ke arah masa depan tenaga baharu melalui penjanaan karbon rendah, sejajar Hala Tuju Kelestarian TNB dan visi ESG secara keseluruhannya,” kata Baharin.

Paparan Keputusan Kewangan

RM' Juta	3 Bulan Berakhir 31 Mac 2022	3 Bulan Berakhir 31 Mac 2021
Jumlah Pendapatan	15,658.5	11,478.0
Perbelanjaan Operasi	(13,431.8)	(9,146.5)
Pendapatan Operasi Lain	178.6	176.7
Lebihan Operasi (EBIT)	<u>2,369.6</u>	<u>2,327.8</u>
Kos Kewangan	(1,003.0)	(931.9)
Keuntungan / (Kerugian) Tukaran Wang Asing	42.7	(56.8)
Keuntungan bersih (sebelum Keuntungan/(Kerugian)) Tukaran Wang Asing	850.4	1,015.5
Keuntungan Bersih yang Diagihkan kepada Pemilik Syarikat	893.1	958.7
Keuntungan Tempoh Berkenaan	871.2	973.5
Pendapatan sesaham	15.60 sen	16.81 sen

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, grid dan pembahagian tenaga elektrik. Selain menjadi syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan mengagihkan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Mac 2021, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10.1 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyenggaraan kemudahan penyejukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan

berkaitan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik bersepadu, TNB telah dan akan terus melaksanakan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.tnb.com.my.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 1 Jun 2022, jam 4:00 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Asma' Razak 013-2505433

atau emel kami: media@tnb.com.my



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TNB,
Datuk Ir. Baharin Din